

PENGGANDAAN SEPARA DALAM DIALEK MELAYU URAK LAWOI'

(Partial Reduplication in the Malay Dialect of Urak Lawoi)

Suraiya Chapakiya
suraiyakiya@gmail.com

Jabatan Penyelarasan Dasar Pendidikan, Agama dan Kebudayaan,
Southern Border Provinces Administrative Centre (SBPAC)
Muang, Yala, Thailand.

Tajul Aripin Kassin
tajul@usm.my

Pusat Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.

Abstrak

Makalah ini membincangkan pengandaan separa dialek Melayu Urak Lawoi' Laem Tukkae (DMULLT) di wilayah Phuket, Thailand. Tujuan makalah ini adalah untuk menganalisis proses pengandaan separa yang berlaku dalam DMULLT. Untuk mendapatkan data primer, temu bual dilakukan terhadap lima orang informan yang berusia lima puluh tahun ke atas dari kawasan Laem Tukkae, wilayah Phuket. Data ini diproses dan dianalisis dengan menggunakan teori autosegmental, iaitu berdasarkan model pemindahan melodi oleh Clements (1985(a)) dan representasi tingkat suku kata oleh Clements (1985(b)). Dapatan kajian menunjukkan DMULLT mempunyai dua bentuk pengandaan separa, iaitu pengandaan separa kata dasar yang diakhiri suku kata terbuka dan pengandaan separa kata dasar yang diakhiri suku kata tertutup. Contoh pengandaan separa kata dasar yang diakhiri suku kata terbuka ialah /bini/ [ni.bi.ni] bebini (perempuan-perempuan), /rama/ [ma.ra.ma] rerama (rama-rama), dan contoh pengandaan separa kata dasar yang diakhiri suku kata tertutup ialah /bintar/ [tak.bi.tak] bebintang (bintang-bintang) dan /rumah/ [mah.ru.mah] rerumah (rumah-rumah). Berdasarkan model pemindahan melodi oleh

Clements (1985(a)), kedua-dua bentuk penggandaan separa DMULLT ini diproses dengan menggunakan acuan (templat) KVK.

Kata kunci: penggandaan separa, suku kata terbuka, suku kata tertutup, urak lawoi'

Abstract

This article discusses the partial reduplication of the Malay dialect of Urak Lawoi' Laem Tukkae (MDULLT) in the province of Phuket, Thailand. The objective of this article is to analyse the process of partial reduplication within the MdULLT. In order to obtain primary data, an interview with five informants above the age of 50 from the area of Laem Tukkae, Phuket was carried out. This data was processed and analysed using the autosegmental theory which is based on Clements model of melodic transfer (1985(a)) and Clement's Representation Level of Syllable Structure (1985(b)). Findings reveal that MDULLT has two types of partial reduplication, which is the root partial reduplication that ends with an open syllable and the root partial reduplication that ends with a closed syllable. Examples of the root partial reduplication ending with open syllables are /bini/ [ni.bi.ni] bebini (women), /rama/ [ma.ra.ma] rerama (butterflies), while the examples for the root partial reduplication ending with closed syllables are /bintan/ [tak.bi.tak] bebintang (stars) and /rumah/ [mah.ru.mah] rerumah (houses). Based on Clements model of melodic transfer (1985(a)), both types of partial reduplication for the MDULLT are processed using the CVC template.

Keyword: process of partial reduplication, open syllables, closed syllables, urak lawoi'

PENDAHULUAN

Makalah ini meneliti proses penggandaan separa yang terdapat dalam dialek Melayu Urak Lawoi' Laem Tukkae (DMULLT), iaitu bahasa yang digunakan oleh penutur orang laut yang tinggal di Kampung Laem Tukkae. Kampung ini terletak di daerah bandar (Muang), mukim Rasada, wilayah Phuket, Thailand. Masyarakat Urak Lawoi' merupakan salah satu kumpulan minoriti yang tinggal di Thailand yang berbeza daripada kumpulan etnik dominan. Mereka dianggap sebagai etnik Melayu. Secara tradisinya mereka tidak mempunyai tulisan dan merupakan sebahagian

daripada keluarga bahasa Austronesia, serta boleh dianggap sebagai dialek Melayu etnik lama yang menggunakan bahasa Melayu-Polinesia atau dialek Melayu dalam kehidupan harian (Supin, 2007, hlm. 9). Masyarakat ini memanggil diri mereka sebagai Urak Lawoi' (UL) yang mencerminkan hubungan mereka yang akrab dengan laut. Mereka mahir berenang, menyelam dan berkenderaan dengan perahu (Perancangan Pembangunan Tahun 2015-2017).¹ Menurut Supin (2007) perkataan *urak* bermaksud orang dan *lawoi'* bermaksud laut.

Menurut Rohani (2016, hlm. 11-12), kebanyakan UL masih menganut fahaman animisme dan ada juga yang menganut agama Buddha, iaitu pasangan perkahwinan antara bangsa Thai dengan UL. Selain itu, kebanyakan masyarakat UL percaya bahawa Pulau Adang dibuka oleh Tok Giri yang berasal dari Pulau Sumatera dan beragama Islam. Kehadiran Tok Giri ke Pulau Adang adalah untuk mencari kesejahteraan dan kesenangan hidup. Seterusnya, beliau dilantik sebagai ketua UL. Hal ini memperlihatkan wujudnya hubungan antara bahasa UL dengan bahasa Minang.

Selain itu, Rohani (2016, hlm. 12-13) juga menyatakan bahawa ada keturunan penduduk UL di Pulau Lipe' yang berasal dari Semenanjung Malaysia yang merupakan sebilangan kecil berbanding jumlah penutur bahasa UL sedia ada di kawasan pindahan tersebut yang menyebabkan bahasa Melayu menyesar atau beralih ke dalam bahasa penduduk tempatan dengan mudah. De Saussure (1959) dalam Rohani (2016) menjelaskan lagi bahawa persekitaran geografi turut menyebabkan sesuatu bahasa atau dialek kekal atau berubah.

Kampung Laem Tukkae diberi nama Kampung Orang Thai Baru kerana kampung ini dianggap sebagai salah sebuah tempat pelancongan di wilayah Phuket. Kampung ini merupakan tempat untuk melihat cara hidup masyarakat UL dan merupakan kumpulan terbesar di Phuket. Mereka masih mengekalkan adat resam dan budaya tradisional, seperti tempat tinggal yang unik (di dalam perahu), joget ronggeng dan hidup sebagai nelayan tradisional yang masih menggunakan alat memancing ikan untuk menangkap ikan (Jabatan Pendaftaran Negara Thailand Februari, 2012, hlm. 4-8).

Penggandaan separa merupakan suatu proses yang lazim dalam dialek Melayu. Namun begitu, proses penggandaan separa dalam DMULLT agak berbeza dan unik jika dibandingkan dengan proses penggandaan separa yang terdapat dalam dialek Melayu yang lain. Dengan keunikan inilah,

penulis tertarik untuk menganalisis proses penggandaan separa yang terdapat dalam DMULLT.

Dalam bahasa Melayu standard (BMS), penggandaan separa merupakan proses menyalin onset suku kata pertama sesuatu kata dasar supaya menjadi ahli acuan skeletal KV (Tajul Aripin, 2005, hlm.163). Sehubungan dengan itu, ahli bahasa seperti Asmah (2009, hlm. 251), Nik Safiah *et al.* (2006, hlm. 55) dan Zaharani (2007, hlm. 26) menyatakan bahawa pengulangan separa dalam BMS berlaku dengan mengulangkan sebahagian segmen yang terdapat dalam kata dasar, dan kebanyakan kata penggandaan separa memberikan maksud jamak, kesamaan dan nama binatang. Antara contoh penggandaan separa dalam bahasa Melayu termasuklah lelaki dan jejari, bahasa Jawa pula *we-wenang* “kuasa”, bahasa Tagalog seperti *ka-kalaki* “masuk berapa kali”, dan bahasa Isthmus Zapotec contohnya *no-noka* “nasihat dan amaran” (Nik Safiah *et al.*, 2006 hlm. 55). Tajul Aripin (2005, hlm. 171-172) pula memaparkan beberapa contoh perkataan penggandaan separa dalam dialek Perak seperti [səʂən. di] “sesendi”, [bə.bu.ku] “bebuku”, [dʒə.dʒa.ɣi] “jejari”, [ɣəʔ.ɣam.but] “rerambut”, [kəŋ.ka.wan] “kekawan” dan [nəʔ.nam.paʔ] “nenampak”.

Perbincangan proses penggandaan separa dalam DMULLT ini menerapkan teori autosegmental berdasarkan model pemindahan melodi yang didirikan oleh Clements (1985(a)) dan representasi tingkat suku kata oleh Clements (1985(b)).

PERMASALAHAN KAJIAN

Dialek Melayu Urak Lawoi’ pernah dikaji oleh beberapa pengkaji sebelum ini. Chantas (1976) telah mengkaji Sistem Fonologi Bahasa Orang Laut Pulau Sireh, Daerah Bandar, Wilayah Phuket. Amon Saengmani (1979) pula telah mengkaji *Phonology of The Urak Lawoi’ Language: Adang Island*. Kannika (1985) mengkaji *The Phonology of Urak Lawoi’ Language on Lanta Island in Krabi Province*. Kemudian, Asmah (2008) pula telah mengkaji dialek Urak Lawoi’ yang terdapat dalam buku *Susur Galur Bahasa Melayu*. Namun begitu, proses penggandaan separa secara khusus dalam DMULLT belum dibincangkan oleh pengkaji sebelum ini secara mendalam. Walaupun Rohani (2016) telah membincangkan proses penggandaan suku kata dalam bahasa Melayu Urak Lawoi’ pulau Adang, Thailand. Namun, beliau tidak memperlihatkan proses penggandaan tersebut dengan lebih mendalam berdasarkan teori autosegmental. Oleh

itu, perbincangan ini menjurus pada proses penggandaan separa dalam DMUL, khususnya penggandaan separa dalam DMULLT sebagai wadah dalam makalah ini. Berdasarkan permasalahan kajian tersebut, model pemindahan melodi Clements (1985(a)) dan representasi tingkat suku kata Clements (1985(b)) berdasarkan teori autosegmental dimanfaatkan bagi menganalisis proses penggandaan separa dalam DMULLT.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mengenal pasti dan menganalisis proses penggandaan separa secara khusus dalam DMULLT berdasarkan teori autosegmental melalui model pemindahan melodi Clements (1985(a)) dan representasi tingkat suku kata Clements (1985(b)).

PENGUMPULAN DATA KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah secara kualitatif. Kajian kualitatif ialah kajian yang menghasilkan dapatan yang tidak memerlukan pengiraan, pengukuran, atau penggunaan pendekatan statistik atau dikenali sebagai kajian lapangan yang sesuai untuk mempelajari, memahami dan mendalami sesuatu fenomena (Gay, Mills & Airasian, 2011, hlm. 381; Neuman, 2011, hlm. 421 dan Othman, 2012, hlm. 7). Kajian ini menggunakan kaedah lapangan melalui temu bual terhadap lima orang informan yang berusia lima puluh tahun ke atas. Kaedah temu bual merupakan kaedah yang sangat penting untuk membantu pengkaji meneroka dan mendapatkan maklumat yang mendalam secara bersemuka (*face to face*).² Bahkan temu bual sangat penting untuk mengesahkan data yang diperhatikan (Othman, 2012, hlm. 119; Muhammad Saiful, 2010, hlm. 49). Data kajian dikumpulkan melalui kaedah temu bual dan dianalisis mengikut kerangka teoretis yang disediakan.


MODEL PEMINDAHAN MELODI CLEMENTS (1985(a))

Clements (1985, hlm. 48(a)) mengandaikan bahawa imbuhan penggandaan memperoleh melodinya melalui pengulangan dan penghubungan secara terus dengan melodi kata dasar. Imbuhan penggandaan itu memperoleh melodinya daripada skeletal kata dasar, iaitu melalui proses pemindahan melodi. Dalam model pemindahan melodi, beliau mencadangkan seperti yang berikut:


- (1) Penghubungan, yaitu proses menghubungkan acuan imbuhan penggandaan dengan tingkat konsonan vokal (KV) kata dasar melalui garis penghubung.
- (2) Penggandaan, yaitu proses pemindahan yang berlaku dengan memindahkan melodi dalam kata dasar ke acuan imbuhan penggandaan KVK. Seterusnya, garis penghubung dihubungkan dengan imbuhan penggandaan, yaitu konsonan dengan konsonan dan vokal dengan vokal, dan penghubungan berlaku secara terus kepada tingkat KV, sama ada awalan, sisipan atau akhiran.

Berdasarkan model pemindahan melodi Clements (1985), Zaharani (2000, hlm.733), telah menyediakan acuan penggandaan separa untuk bahasa Melayu standard (BMS), iaitu acuan KV. Maksudnya, proses penggandaan separa berlaku hanya beracukan KV yang mengulang kata dasar, manakala fonem yang tidak disalin dengan sendirinya digugurkan melalui konvensi *Stray Erasure*. Menurut Zaharani (2007), contoh proses penggandaan separa BMS bagi perkataan /siku/ [sə.si.ku] (suku kata terbuka di awal kata) dapat direpresentasikan seperti yang berikut:


(a) Representasi dalaman




(b) Pemindahan melalui projeksi dari kiri ke kanan




(c) Linearisasi



(d) Pelemahan vokal



(e) Representasi permukaan




Rajah 1 Representasi penggandaan separa BMS bagi kata dasar diawali suku kata terbuka berdasarkan acuan KV.

Rajah 1 menunjukkan derivasi (proses pengimbuhan) parafiks KV mendapat unsur fonem melalui projeksi (pemetaan) gatra K dan V daripada skeletal kata dasar. Pemetaan ini memindahkan fonem /s/ daripada K dan fonem /i/ daripada V, seperti dalam Rajah (b). Rajah seterusnya, linearisasi menunjukkan imbuhan dan kata dasar diletakkan pada tingkat yang berbeza. Kemudian, berlaku pelemahan vokal /i/ kepada [ə], dan akhirnya terhasillah bentuk penggandaan separa BMS yang tepat dan gramatis (Zaharani, 2007, hlm.105-108).


Daripada analisis di atas, proses penggandaan separa dalam BMS dengan beracukan KV bagi perkataan yang diakhiri oleh suku kata terbuka dapat menghasilkan bentuk permukaan dengan tepat. Selain itu, melalui acuan KV juga, Zaharani (2007) dapat menganalisis kata dasar yang diawali suku kata tertutup seperti perkataan /rambut/ sebagai [rə.ram.but].

Bagi proses penggandaan separa dalam dialek Perak (DP) pula, Tajul Aripin (2005) menyarankan acuan KVK bagi kedua-dua bentuk kata, iaitu kata dasar diakhiri vokal (suku kata terbuka) dan kata dasar diakhiri konsonan (suku kata tertutup). Maknanya, dalam DP, proses penggandaan separa ialah proses mengulang konsonan awal kata dasar (onset) bagi kata dasar yang diakhiri vokal atau suku kata terbuka, dan konsonan akhir (koda) bagi kata dasar yang diakhiri dengan konsonan atau suku kata tertutup KVK. Proses penggandaan separa bagi suku kata terbuka dan suku kata tertutup dalam DP berlaku dengan mengulang kata dasar dan segmen yang tidak disalin akan digugurkan secara tersendiri berdasarkan konvensi umum *Stray Erasure* seperti yang berikut:


(a) Representasi dalaman




(b) Pengulangan melodi




(c) Pemetaan




(d) Pengguguran melodi



(e) Penyisipan schwa



(f) Representasi permukaan



Rajah 2: Representasi penggandaan separa DP bagi kata dasar bersuku kata terbuka di akhir kata berdasarkan acuan KVK.

Rajah 2 di atas, menunjukkan acuan KVK menjelaskan analisis penggandaan separa bagi perkataan /laki/ sebagai [l \emptyset .la.ki]. Pada peringkat awal berlaku proses pengulangan melodi kata dasar /laki/. Pada peringkat ini hanya konsonan /l/ yang dipetakan kepada acuan KVK. Bagi fonem yang tiada hubungan akan digugurkan secara default. Pengguguran K kedua pada tingkat skeletal disebabkan perkataan /laki/ tidak wujud konsonan pada akhir kata. Seterusnya, berlaku penyisipan vokal schwa [ə] pada acuan V secara default. Akhirnya, proses penggandaan separa kata dasar /laki/ mengalami penggandaan separa sebagai [l \emptyset .la.ki] dalam DP. Daripada analisis di atas, proses penggandaan separa dalam DP dengan


beracukan KVK dapat menghasilkan bentuk permukaan yang tepat. Selain itu, acuan KVK juga dapat menganalisis kata dasar yang diakhiri dengan konsonan seperti perkataan /budak/ yang mengalami penggandaan separa sebagai [bəʔ.bu.dak] (Tajul Aripin, 2005). Berdasarkan analisis Tajul Aripin (2005), proses penggandaan separa yang beracukan KVK bagi kata dasar yang diakhiri dengan vokal dan kata dasar yang diakhiri konsonan dalam DP dapat dianalisis secara berpada dan konsisten.

REPRESENTASI TINGKAT SUKU KATA CLEMENTS (1985(b))

Menurut Clements (1985(b)), representasi tingkat suku kata terdiri daripada tiga tingkat perwakilan. Setiap tingkat suku kata diwakili oleh segmen tertentu yang dapat menjelaskan proses fonologi, seperti proses penyebaran, perubahan serta proses lain yang melibatkan fonem vokal dan konsonan (Clements, 1985(b), hlm.147).

Clements (1985(b): 203), juga menambahkan satu peringkat dalam tingkat suku kata KV yang menghuraikan fungsi suku kata. Setiap suku kata terdiri daripada kumpulan fonem yang mewakili suku kata bagi sesuatu bahasa. Kumpulan fonem ini dikekang oleh prinsip onsets pertama (*one first principle*), iaitu yang pertama, konsonan awal suku kata ditambah jumlah konsonan ke tahap yang konsisten dengan keadaan struktur suku kata bahasa tertentu. Kedua, tingkat vokal dihubungkan dengan tingkat suku kata, manakala konsonan ke kiri disambungkan satu demi satu selagi konfigurasi bagi setiap penyebaran memenuhi syarat struktur suku kata. Hal ini berlaku dengan cara yang sama apabila konsonan ke kanan. Representasi tingkat suku kata Clements (1985(b)) dapat digambarkan dalam DMULLT seperti dalam perkataan /malam/ [ma.lap] “malam”.

Rajah 3 menunjukkan unsur dalam tingkat gatra KV yang membezakan puncak suku kata (*syllable peak*), suku kata menunjukkan bukan puncak suku kata (*syllable non-peak*). Segmen yang dikuasai oleh V menunjukkan puncak suku kata dan segmen yang dikuasai oleh K menunjukkan bukan puncak suku kata (Clements, 1985(b), hlm. 203). Yang berikut ialah penggandaan separa dalam DMULLT.



Rajah 3 Representasi tingkat suku kata Clements (1985(b)).
(Sumber: Diubah suai daripada Clements (1985(b)).

PENGGANDAAN SEPARA DMULLT DIAKHIRI SUKU KATA TERBUKA


Berdasarkan kajian, didapati penggandaan separa dalam DMULLT berlaku dalam dua bentuk. Pertama, bentuk penggandaan separa yang menyalin suku kata akhir bagi kata dasar yang diakhiri dengan vokal (suku kata terbuka). Kedua, bentuk penggandaan separa yang menyalin suku kata akhir bagi kata dasar yang diakhiri dengan konsonan (suku kata tertutup). Yang berikut ialah beberapa contoh perkataan penggandaan separa DMULLT yang menyalin suku kata akhir bagi perkataan bersuku kata terbuka.

(1) Contoh penggandaan separa bagi kata dasar di akhiri suku kata terbuka.


SD	KD	PS	Maksud
/ʔada/	[ʔa.da]	[da.ʔa.da]	ada-ada
/ʔapi/	[ʔa.pi]	[pi.ʔa.pi]	api-api
/bini/	[bi.nĩ]	[nĩ.bi.nĩ]	perempuan
/dara/	[da.ra]	[ra.da.ra]	dedara
/dʒampi/	[dʒa.pi]	[pi.dʒa.pi]	jejampi
/tanda/	[ta.nã]	[nã.ta.nã]	tertanda

Bentuk proses penggandaan separa ini dianalisis dengan menggunakan acuan KVK berdasarkan model pemindahan melodi cadangan Clements (1985(a)) dan representasi tingkat suku kata Clements (1985(b)). Acuan KVK ini terletak pada tingkat skeletal dan dihubungkan dengan segmen yang disalin (salinan kata dasar) pada tingkat melodi berdasar kepada bentuk penggandaan separa. Sekiranya, mana-mana segmen yang tidak dihubungkan antara satu sama lain yakni antara tingkat skeletal dengan tingkat melodi, segmen tersebut akan gugur secara *Stray Erasure*. Berdasarkan model pemindahan melodi oleh Clements (1985(a)) dan representasi tingkat suku kata Clements (1985(b)), proses penggandaan separa yang kata dasar diakhiri suku kata terbuka, seperti perkataan /tanda/ [nã.ta.nã] “tetanda” dapat direpresentasi seperti yang berikut:


(a) Representasi dalaman kata dasar




(b) Pemindahan melodi




(c) Pengguguran hentian bersuara




(d) Pemetaan dari kiri ke kanan



(e) Pengguguran secara konvensi umum *Stray Erasure*



(f) Struktur permukaan



Rajah 4 Representasi penggandaan separa DMULLT bagi perkataan /tanda/ [nã.ta.nã] “tetanda” berdasarkan acuan KVK.

Rajah 4 menunjukkan penggandaan separa bagi perkataan /tanda/ (kata dasar yang diakhiri dengan vokal) dalam DMULLT harus melalui beberapa proses fonologi sebelum terhasilnya SP [nã.ta.nã]. Rajah 4 (b) ialah rajah penyalinan melodi, iaitu kata dasar /tanda/ sebagai /tanda-tanda/ pada tingkat parafiks. Setelah itu, pengguguran hentian bersuara berlaku kerana hentian bersuara tidak dibenarkan bergugus dengan konsonan nasal dalam DMULLT Rajah 4 (c). Pengguguran konsonan hentian bersuara dalam /tanda-tanda/ pada tingkat parafiks menghasilkan /tana-tana/. Setelah itu, kata /tana-tana/ mengalami proses pemetaan berdasarkan acuan KVK yang dihubungkan dengan melodi yang disalin

untuk menghasilkan penggandaan separa seperti dalam Rajah 4 (d). Serentak dengan itu, melodi yang tidak dihubungkan dengan acuan KVK digugurkan secara konvensi umum *Stray Erasure* seperti dalam Rajah 4 (e). Segmen K (koda) daripada acuan KVK digugurkan secara konvensi umum *Stray Erasure* kerana segmen tersebut tidak dapat dihubungkan dengan acuan KVK, iaitu segmen pada tingkat melodi kerana melodi yang disalin ialah suku kata akhir kata dasar yang diakhiri suku kata terbuka. Kesan daripada pengguguran segmen secara *default* dalam Rajah 4 (e), output penggandaan separa bagi kata dasar /tanda/ yang diakhiri suku kata terbuka menjadi [na.ta.na] “tetanda” seperti dalam rajah 4 (f). Lazimnya, vokal yang menduduki posisi nukleus suku kata yang mendahului konsonan nasal akan mendapat fitur nasal daripada konsonan nasal secara default menjadi [nã.ta.nã].

PENGGANDAAN SEPARA DMULLT DIAKHIRI SUKU KATA TERTUTUP


Data 2, menjelaskan penggandaan separa bagi kata dasar yang diakhiri suku kata tertutup dalam DMULLT.

(1) Contoh penggandaan separa bagi kata dasar diakhiri suku kata tertutup.


SD	KD	PS	Maksud
/ʔanoi/	[ʔa.nõj]	[nõj.ʔa.nõj]	anai-anai
/ʔuŋih/	[ʔu.ŋẽh]	[ŋẽh.ʔu.ŋẽh]	kata ganda
/ʔusik/	[ʔu.seʔ]	[sẽ.ʔu.seʔ]	main-main
/ʔutik/	[ʔu.tejʔ]	[tejʔ.ʔu.tejʔ]	jejentik
/bapak/	[ba.ɲãʔ]	[ɲãʔ.ba.ɲãʔ]	bebanyak
/bulan/	[bu.lat]	[lat.bu.lat]	bebulan

Untuk menganalisis penggandaan separa kata dasar yang diakhiri suku kata tertutup dalam DMULLT, acuan KVK akan digunakan. Berdasarkan model pemindahan melodi oleh Clements (1985(a)) proses penggandaan separa kata dasar yang diakhiri suku kata tertutup bagi perkataan /bulan/ [lat.bu.lat] “bebulan” adalah seperti yang berikut:


(a) Struktur dalaman /bulan/




(b) Pemindahan melodi




(c) Perubahan konsonan nasal /n/ kepada hentian [t]




(d) Pemetaan dari kiri ke kanan



(e) Pengguguran secara konvensi umum *Stray Erasure*



(f) Struktur Permukaan



Rajah 5 Representasi penggandaan separa DMULLT bagi kata dasar diakhiri suku kata tertutup berdasarkan acuan KVK.

Rajah 5 menunjukkan penggandaan separa dalam DMULLT bagi perkataan /bulan/ (kata dasar yang diakhiri dengan konsonan) harus melalui beberapa proses fonologi sebelum terhasilnya SP [lat.bu.lat]. Rajah 5 (b) menjelaskan proses pengulangan melodi kata dasar /bulan/. Sebelum proses pemetaan berlaku, proses perubahan konsonan nasal

/n/ kepada hentian [t] berlaku terlebih dahulu seperti dalam Rajah 5 (c). Setelah itu, proses pemetaan berlaku, dan serentak dengan itu melodi yang tidak dihubungkan dengan acuan KVK digugurkan secara konvensi umum *Stray Erasure* seperti dalam Rajah 5 (d) dan Rajah 5 (e). Kesan daripada proses pengguguran melodi itu, kata dasar /bulan/ mengalami penggandaan separa menjadi [lat.bu.lat].

Hal ini selaras dengan pandangan ahli bahasa seperti Asmah (2009, hlm. 253), Nik Safiah *et al.* (2006, hlm.78), Nik Safiah *et al.* (2013, hlm. 150) dan Zaharani (2007, hlm. 57) yang menyatakan penggandaan separa dalam BMS melibatkan proses penyalinan sebahagian elemen atau segmen yang terkandung dalam kata dasar (khususnya, suku kata pertama) dan memberikan maksud jamak. Sebaliknya, bagi kata dasar DMULLT penggandaan separa berlaku pengulangan suku kata kedua atau suku kata akhir, sama ada bagi suku kata terbuka atau suku kata tertutup. Fenomena ini merupakan salah satu ragam bahasa yang digunakan dalam komunikasi harian masyarakat UL secara alamiah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam DMULLT proses penggandaan separa terhasil melalui penyalinan suku kata akhir suatu kata dasar. Oleh itu, terdapat dua bentuk penggandaan separa dalam DMULLT, iaitu penggandaan separa hasil daripada penyalinan suku kata terbuka dan penggandaan separa hasil daripada penyalinan suku kata tertutup. Menurut Zaharani (2000), dalam BMS, kata dasar yang diawali dengan vokal (suku kata pertama ialah V atau VK) tidak boleh menghasilkan kata ganda separa. Namun begitu, dalam DMULLT, kata dasar yang diawali dengan vokal, iaitu suku kata V atau VK boleh mengalami penggandaan separa. Hal ini berlaku kerana dalam DMULLT, proses penggandaan separa tidak mengulang suku kata awal kata dasar. Sebaliknya, dalam DMULLT, penyalinan suku kata berlaku pada suku kata akhir suatu kata dasar. Antara contoh kata dasar DMULLT yang diawali vokal mengalami penggandaan separa termasuklah perkataan /ʔapi/ [pi.ʔa.pi] bermaksud “api-api” dan /ʔanoi/ dioutputkan sebagai [nōj.ʔa.nōj] bermaksud “anai-anai”.

Seperti yang telah dibincangkan di atas, berdasarkan teori autosegmental proses penggandaan separa DMULLT dapat memberikan pemahaman yang mendalam tentang fonetik yang terdiri daripada serangkaian segmen yang dipetakan melalui garis penghubung. Dalam

hal ini, pendekatan model pemindahan melodi oleh Clements (1985(b)) dapat merepresentasikan proses penggandaan separa yang berlaku secara sistematik dan memori dengan berpada, serta menghasilkan output yang gramatis.

NOTA

1. Maklumat tentang UL dipetik dalam Perancangan Pembangunan Tahun 2015-2017 oleh Majlis Perbandaran Mukim Rasada, Wilayah Phuket: 2014.
2. Temu bual mengikut takrif Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Capaian pada Jumaat 25 Januari 2013. Daripada laman web <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=temu+bual>.

RUJUKAN

- Amon Saengmani. (1979). Phonology of the Urak Lawoi' language: Adang Island (Tesis MA tidak diterbitkan). Nakhon Pratom: Mahidol University.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur Galur bahasa Melayu* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir* (Edisi Kelima). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chanthas Thongchuay. (1976). The phonology of the Chao-Le language on Ko Sire Amphoe Muang, Changwat Phuket (Tesis MA tidak diterbitkan). Songkhla: Srinakarinwiroj Prasanmit University. Songkhla. Thailand.
- Clement, G.N. (1985). The problem of transfer in nonlinear morphology. *Cornell Working Papers in Linguistics* 7, 38-73.
- Clement, G.N. (1985). The geometry of phonological feature. *Phonological Theory: The Essential Readings*, 201-223.
- Gay, L. R., Mills, G. E. & Airasian, P. W. (2011). *Educational research: competencies for analysis and application* (Ten Edition). United State of America: Pearson Education.
- Jabatan Pendaftaran Negara Thailand. Februari (2012). PDF. *Suasana geografi dan maklumat asas Daerah Mukim Rasada*. Capaian daripada www.rasada.go.th/content/content/history.pdf
- Kannika Nitayapakde. (1985). The phonology of Urak Lawoi' language on Lanta Island in Krabi Province. (Tesis MA tidak diterbitkan). Bangkok: Mahidol University.
- Majlis Perbandaran Mukim Rasada. (2014). *Perancangan pembangunan tahun 2015-2017*. Wilayah Puket.
- Muhammad Saiful Haq Hussin. (2010). *Penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah rendah tahun satu*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House. Sdn. Bhd.

- Neuman, M.L. (2011). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches* (Seven Edition). Boston: Pearson Education.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2006). *Tatabahasa Dewan edisi baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood, Muhammad Salehudin Aman dan Abdul Ghalib Yunus. (2013). *Buku 1 Tatabahasa Dewan bentuk kata* (Edisi Sekolah Rendah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Paen Patana Sam Pi Pho So 2558-2560 (Perancangan Kemajuan Tiga Tahun 2015-2017). (2014). Phuket: Rasada Sub-District Municipality.
- Rohani Mohd Yusof. (2016). *Bahasa Melayu Urak Lawoi' Pulau Adang, Thailand*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Supin Wongbusarakum. (2007). *The Urak Lawoi' of the Adang Archipelago, Thailand*. Bangkok: Themma Group.
- Tajul Aripin Kassin. (2005). Penggandaan separa dalam dialek Perak: Suatu analisis autosegmental. *Jurnal bahasa*, 5(3), 162-188.
- Zaharani Ahmad. (2000). Penggandaan separa bahasa Melayu: Suatu analisis autosegmental. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44(7), 722-736.
- Zaharani Ahmad. (2007). *Pembentukan kata ganda separa bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Diperoleh (*received*): 1 Ogos 2017

Diterima (*accepted*): 8 September 2017

LAMPIRAN

(a) Peggandaan separa bagi kata dasar diakhiri suku kata terbuka.

SD	KD	PS	MAKSUD
/ʔada/	[ʔa.da]	[da.ʔa.da]	ada-ada
/ʔapi/	[ʔa.pi]	[pi.ʔa.pi]	api-api
/bini/	[bi.nĩ]	[nĩ.bi.nĩ]	perempuan
/dara/	[da.ra/	[ra.da.ra]	dedara
/dʒampi/	[dʒa.pi]	[pi.dʒa.pi]	jejampi
/laki/	[la.ki]	[ki.la.ki]	lelaki
/mata/	[mã.ta]	[ta.mã.ta]	memata/polis
/mula/	[mũ.la]	[la.mũ.la]	memula
/nama/	[nã.mã]	[mã.nã.mã]	apa-apa

(b) Bentuk penggandaan separa bagi kata dasar diakhiri suku kata tertutup.

SD	KD	PS	MAKSUD
/ʔanoi/	[ʔa.nōj]	[nōj.ʔa.nōj]	anai-anai
/ʔuŋih/	[ʔu.ŋēh]	[ŋēh.ʔu.ŋēh]	kata ganda
/ʔusik/	[ʔu.sek]	[sek.ʔu.sek]	main-main
/ʔutik/	[ʔu.tejʔ]	[tejʔ.ʔu.tejʔ]	jejentik
/baŋak/	[ba.ŋǎʔ]	[ŋǎʔ.ba.ŋǎʔ]	bebanak
/bintaŋ/	[bi.tak]	[tak.bi.tak]	bebintang
/budak/	[bu.daʔ]	[daʔ.bu.daʔ]	bebudak
/bulan/	[bu.lat]	[lat.bu.lat]	bebulan
/tʃəpat/	[tʃə.pajʔ]	[pajʔ.tʃə.pajʔ]	cecepat
/duduk/	[du.doʔ]	[doʔ.du.doʔ]	deduduk
/gigit/	[gi.gɛjʔ]	[gɛjʔ.gi.gɛjʔ]	menggigit
/haŋat/	[ha.ŋǎjʔ]	[ŋǎjʔ.ha.ŋǎjʔ]	pepanas
/kətul/	[kə.ton]	[ton.kə.ton]	keketul
/kətuk/	[kə.toʔ]	[toʔ.kə.toʔ]	keketuk/mentah
/lambat/	[la.mǎjʔ]	[mǎjʔ.la.mǎjʔ]	lelambat
/malam/	/mǎ.lap/	/lap.mǎ.lap/	memalam
/mukai/	[mũ.kaj]	[kaj.mũ.kaj]	sesubuh/dinihari
/muntah/	[mũ.tah]	[tah .mũ.tah]	memuntah

SD	KD	PS	MAKSUD
/nanak/	[nã.nãʔ]	[nãʔ.nã.nãʔ]	bebudak
/rədup/	[rə.doʔ]	[doʔ.rə.doʔ]	reredup/mendung
/rumah/	[ru.mãh]	[mãh.ru.mãh]	rerumah
/sakit/	[sa.kejʔ]	[kejʔ.sa.kejʔ]	sesakit
/sijaŋ/	[si.jak]	[jak.si.jak]	sesaing
/tanduk/	[ta.nõʔ]	[nõʔ.ta.nõʔ]	tetanduk
/tapak/	[ta.pɔʔ]	[pɔʔ.ta.pɔʔ]	tetapak
/tuhur/	[tu.hoj]	[hoj.tu.hoj]	cecetek/kekering
/tuŋkat/	[tu.kajʔ]	[kajʔ.tu.kajʔ]	tetongkat